

# Belia galas harapan Misi Nasional

## Generasi muda perlu perlengkap diri dengan pengetahuan, kemahiran

Oleh Karim Sulaiman

**P**EMUDA Harapan Bangsa, Pemuda Tiang Negara – itulah antara slogan yang kerap didengar sejak dulu. Mesejnya cukup jelas dan relevan pada bila-bila masa iaitu pentingnya peranan dan tanggungjawab belia kepada pembangunan bangsa dan negara.

Di atas bahu mereka diletakkan harapan untuk memacu dan memastikan perancangan masa depan dapat menjadi kenyataan. Dalam sejarah dan tamadun dunia mana pun, golongan muda terbukti menjadi tonggak utama dalam menggerakkan pencapaian dan kejayaan cemerlangnya.

Pada waktu itu kekuatan fizikal dan mental golongan belia dijadikan aset paling berharga untuk menyerang dan menakluk musuh serta mempertahankan negara.

Kini, pada era globalisasi harapan terhadap golongan belia semakin penting dan tinggi. Mereka adalah khazanah dan aset penting negara.

Belia di Malaysia adalah kumpulan masyarakat paling ramai iaitu 42.54 peratus atau 11.12 juta penduduk adalah berumur 15-40 tahun.

Mereka sebenarnya modal insan yang bakal meneruskan perjuangan dan menjadikan banyak program yang dirancang kerajaan menjadi kenyataan.

Belia adalah modal insan yang bakal menjana perancangan negara pada masa depan, khususnya dalam pelaksanaan dan pencapaian Misi Nasional.

Justeru, usaha mengupayakan belia bagi meningkatkan peranan mereka dalam masyarakat, memupuk perpaduan serta membina nusa dan bangsa, menjadi teras pembangunan belia dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Bagi mencapai matlamat itu program bersepadu dan meluas dirancang dan dilaksanakan untuk mewujudkan belia yang mempunyai kualiti kepimpinan yang baik serta lengkap dengan kemahiran keusahawanan dan pengetahuan.

Bukan itu saja, seperti yang kerap ditekankan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bahawa kerajaan memerlukan modal in-

### INTI PATI

#### Lima teras strategik untuk program pembangunan belia dalam RMK-9

- 1 Mengupayakan belia untuk masa depan melalui peningkatan akses kepada pendidikan dan latihan
- 2 Meningkatkan penyertaan belia dalam organisasi belia
- 3 Memupuk semangat persaingan
- 4 Memperkukuhkan rangka kerja perundangan program pembangunan belia dan
- 5 Menggalak perpaduan negara dan integrasi sosial

**“Belia perlu dilihat sebagai aset dan khazanah penting negara. Aset ini perlu dipelihara dan memastikannya tidak bermasalah”**

**Norizan Shariff**  
Setiausaha Agung Majlis  
Belia Malaysia

san kelas pertama dalam pembangunan negara.

Penekanan hendaklah diberikan kepada usaha membangunkan individu berwibawa yang mempunyai nilai kerohanian dan moral tinggi bagi melahirkan personaliti unggul.

Bertolak dari sini, sambutan Hari dan Minggu Belia Negara tahun ini cukup penting untuk dijadikan landasan bagi menyedarkan golongan dan pertubuhan belia tanggungjawab mereka dalam mencapai matlamat Misi Nasional.

Sambutan tahun ini tidak seharusnya dilihat sebagai satu lagi acara 'meraikan' golongan dan pertubuhan belia. Ia tidak seharusnya berlalu begitu saja dengan selesainya kegiatan dan program yang diatur sepanjang sambutan itu.

Sebaliknya, ia seharusnya mampu memberi kesan besar kepada belia dari segi pemupukan semangat perpaduan dan patriotisme, menjana harapan dan kemajuan untuk masa depan serta memberi kesedaran yang mendalam kepada belia.

Setiausaha Agung Majlis Belia Malaysia, Norizan Shariff, melihat cabaran yang digalas oleh golongan belia semakin mencabar dan penting dalam melaksana dan merealisasikan rancangan pembangunan negara pada masa depan.

Belia adalah aset penting negara. Apa dirancang kini untuk masa depan. Belia menjadi tonggak kepada kejayaan pelaksanaan rancangan itu.

Katanya, mereka juga bertanggungjawab untuk memastikan kesinambungan kegemilangan pembangunan negara yang dibawa oleh kepimpinan sekarang.

Justeru, katanya lagi, kerajaan memberikan keutamaan yang cukup signifikan kepada pembangunan belia dalam RMK-9. Kerajaan mencadangkan peruntukan berjumlah RM5.3 bilion untuk program pembangunan belia dalam RMK-9.

Ia bakal dilaksanakan menerusi lima teras strategik iaitu mengupayakan belia untuk masa depan melalui peningkatan akses kepada pendidikan dan latihan, meningkatkan penyertaan belia dalam organisasi belia, memupuk semangat persaingan, memperkukuhkan rangka kerja perundangan program pembangunan be-

lia dan menggalak perpaduan negara dan integrasi sosial.

Norizan berkata, harapan tinggi itu perlu digalas oleh golongan belia dengan penuh komitmen dengan melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran berkaitan.

Katanya, belia perlu bersedia untuk menghadapi apa saja cabaran, khususnya pada era globalisasi yang menuntut ketahanan diri yang tinggi.

“Dalam menghadapi cabaran itu mereka hendaklah menjadi modal insan cemerlang, gemilang dan terbilang. Mereka perlu berusaha melengkapkan diri dengan pelbagai pengetahuan dan kemahiran supaya tidak ketinggalan.

“Mereka juga perlu mempunyai daya kepimpinan berwibawa bagi membentuk dan memimpin lebih ramai lagi modal insan kelas pertama,” katanya.

Perkara berkenaan turut ditekankan dalam RMK-9 bagi mengupayakan belia untuk aktif dalam pembangunan nusa dan negara. Usaha itu akan dilakukan dengan meningkatkan peluang mereka untuk mendapatkan pendidikan dan latihan.

Sementara, latihan kepimpinan dan kemahiran, pembangunan keusahawanan dan program gaya hidup sihat akan dilaksanakan secara meluas.

Namun, Norizan berkata, dalam usaha menjadikan belia modal insan kelas pertama tidak dinafikan wujud segelintir remaja bermasalah. Mereka antara lain terbahit dengan dadah, jenayah sama ada ringan atau berat.

Bagaimanapun, katanya, jumlah itu terlalu kecil berbanding dengan kejayaan belia dalam pelbagai bidang.

“Kita tidak boleh melihat mereka sebagai generasi bermasalah. Jika mereka bermasalah, kita perlu mendekati dan membawa mereka ke jalan yang betul,” katanya.

Perkara ini turut ditekankan dalam RMK-9, apabila kerajaan terus memberi penekanan kepada program menangani masalah sosial belia iaitu mewujudkan kerjasama erat antara masyarakat setempat dan agensi kerajaan dan program latihan khas bagi belia berisiko tinggi terbahit dalam jenayah.